

**MTUC: Putrajaya masih ada masa elak piket, tangguh pindaan**  
**The Malaysian Insider**  
**03 Oktober , 2011**  
**Oleh G Manimaran**

KUALA LUMPUR, 3 Okt — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berkata masih ada masa untuk mengelak piket pagi ini jika Kementerian Sumber Manusia mengambil keputusan saat-saat akhir untuk menengguhkan bacaan kali kedua Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2010 atas semangat tiga pihak dalam dasar buruh negara.

Setiausaha Agung MTUC Abdul Halim Mansor memberitahu, pihaknya sebenarnya hanya mahu hak dan kepentingan pekerja negara ini dilindungi dan ingin melihat aspek itu terus terpelihara, bukannya dihakis menerusi pindaan Akta Kerja.

"Kami rasa masih ada masa untuk mengelakkan piket. Jika kerajaan mengambil keputusan untuk tidak meneruskan bacaan kali kedua, piket pagi ini akan dibatalkan," kata beliau ketika dihubungi The Malaysian Insider.

MTUC merancang untuk mengadakan piket di kawasan Parlimen sekitar pukul 11 pagi ini kerana kementerian mahu meneruskan bacaan kali kedua rang undang-undang itu yang sudah tertangguh dua kali sebelum ini.

Sejam sebelum piket itu dirancang untuk diadakan, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr S Subramaniam akan mempengerusikan mesyuarat tergempar Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC), badan tiga pihak yang dihidupkan semula dua minggu yang lalu.

The Malaysian Insider difahamkan perkara berkaitan rang undang-undang ini akan menjadi agenda utama mesyuarat berkenaan.

"MTUC mahu kesemua tiga pihak dalam NLAC duduk dan berbincang demi kepentingan pekerja," katanya lagi.

Ketika ditanya sama ada MTUC tidak mahu memberi peluang kepada NLAC, Halim berkata, isunya bukan tidak memberi peluang atau sebaliknya tetapi semangat tiga pihak dalam NLAC wajar diteruskan untuk menjaga kepentingan pekerja, yang merupakan komponen utama berkepentingan dalam Akta Kerja.

"Kami telah berusaha untuk memastikan pekerja mendapat penyelesaian agar perlindungan para pekerja tidak terhakis dalam pindaan Akta Kerja," kata beliau menjawab soalan mengenai dakwaan Kementerian Sumber Manusia bahawa sebanyak 18 perbincangan telah diadakan dengan MTUC sebelum ini dan tidak wajar piket diadakan bagi mengelakkan proses Parlimen.

"Memang ada pertemuan... perbincangan ada, tetapi tidak ada keputusan dan tiada pandangan kami diterima," kata beliau yang menekankan bahawa MTUC mahu kepentingan dan hak pekerja dipertahankan.

MTUC mendakwa tidak berpuas hati dengan kandungan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2010 yang hendak dibawa ke Parlimen kali ini kerana tidak membawa banyak perubahan "besar."

"Tidak ada banyak perubahan besar," kata Halim.

Salah satu perkara yang menjadi kerisauan MTUC ialah peruntukan berkaitan dengan kontraktor untuk tenaga kerja. Selain itu MTUC mahu cuti bersalin 90 hari dilanjutkan kepada semua tenaga kerja dan had tuntutan bayaran kerja lebih masa dilanjutkan.

Semalam, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) berkata tidak wajar MTUC mengadakan piket berhubung kontroversi pindaan Akta Kerja 1955.

Badan induk majikan itu berpendapat bahawa oleh kerana Kementerian Sumber Manusia telah pun memutuskan untuk memanggil mesyuarat tergempar NLAC, maka MTUC sepatutnya memberi peluang untuk mendengar pendirian kerajaan.

"MEF berpandangan bahawa tindakan MTUC untuk mengadakan piket, saya rasa adalah kurang wajar," kata Pengarah Eksekutif Shamsuddin Bardan ketika dihubungi The Malaysian Insider.

"Oleh kerana Kementerian Sumber Manusia sudah memanggil mesyuarat NLAC, kita berbincang dahulu. Selepas itu, jika MTUC merasakan tidak berpuas hati, mereka boleh meneruskan tindakan mereka," kata beliau yang turut mengakui bahawa pindaan Akta Kerja 1955 yang hendak dibawa oleh kerajaan tidak mengambil kira beberapa cadangan yang dibawa MEF sendiri.

"Ada juga perkara yang kami tidak bersetuju dan ada perkara baru yang kami syorkan, tetapi tidak dimasukkan. Tetapi kami menerima," kata beliau.

MTUC telah membuat pendirian untuk mengadakan piket pada mesyuarat majlis am 25 September lalu. Pendirian itu ditegaskan dan dimuktamadkan semula kelmarin susulan satu forum empat jam.

Halim juga berkata pihaknya akan menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak agar campur tangan dalam isu ini demi menjaga kepentingan pekerja.

"Jika tiada penyelesaian hari ini, kami akan menulis surat kepada Perdana Menteri agar beliau campur tangan menyelesaikan isu ini," katanya lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mtuc-putrajaya-masih-ada-masa-elak-piket-tangguh-pindaan/>